



Untuk Pengumuman Segera

12 Jun 2009

**BENKEL PENUBUHAN
JAWATANKUASA BIOETIKA KEBANGSAAN**

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Universiti Malaya dan UNESCO akan menganjur satu bengkel penubuhan Jawatankuasa Bioetika Kebangsaan pada 19 Jun 2009. Bengkel selama satu hari ini akan diadakan di Hotel Eastin, Petaling Jaya dari 8:00 pagi hingga 9:00 malam.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan serta meningkatkan kesedaran tentang konsep dan isu bioetika. Selain itu, perbincangan interaktif turut akan diadakan bagi mencungkil pandangan serta cadangan berkaitan isu bioetika yang relevan dengan Malaysia, sebagai input untuk penubuhan Jawatankuasa Bioetika Kebangsaan di Malaysia. Penceramah dan peserta yang akan hadir bengkel terdiri daripada pakar-pakar bioetika dari dalam dan luar negara, agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik, industri dan pertubuhan bukan Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Farid Mohamad / Mahadi Razali

Tel : 03-2690 4071 / 2690 4133

Emel : farid@kpwkm.gov.my / mahadi@kpwkm.gov.my